

# Bina bangsa, negara merdeka

**Datuk Seri  
Mohamed  
Azmin Ali**



Menteri Hal Ehwal Ekonomi

**Mari** kita renung ke dalam jati diri Bangsa Malaysia dan merenyoal: Sejauh manakah cita-cita murni yang diungkapkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sejenak, sebelum bapa bangsa itu melaungkan MERDEKA diterjemahkan menjadi kenyataan.

Membebaskan negara daripada cengkaman penjajah adalah kejayaan. Selepas dijajah silih berganti oleh kuasa Barat, dari Portugis kepada Belanda dan akhirnya Inggeris. Pada 31 Ogos, 62 tahun lalu, tampuk pemerintahan kembali ke tangan anak watan.

Namun, kemerdekaan bukan bermakna berakhirnya perjuangan. Kemerdekaan hanyalah titik permulaan projek pembangunan bangsa. Bangsa yang mahu kita bangunkan mengikut acuan atau nilai yang kita kehendaki. Nilai tersebut terkandung di dalam Pemasyhuran Kemerdekaan.

Sayangnya, Pemasyhuran Kemerdekaan yang naskhah asalnya ditulis dalam Jawi kurang mendapat perhatian, dalam wacana awam dan pendidikan kewarganegaraan.

Padahal Pemasyhuran Kemerdekaan merupakan dokumen bangsa yang amat penting dan kita tidak boleh menghayati kemerdekaan, tanpa memahami nilai tersemat di dalamnya.

Berdaulat dan merdeka bermakna kita tidak tunduk kepada telunjuk asing. Kita bangsa bermaruah. Dasar dan kebijakan eko-

*"..maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang, dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa."* **Pemasyhuran Kemerdekaan 1957**

nomi, sosial, kebudayaan, kepentingan nasional dan hubungan luar ditentukan anak bangsa.

Kita saksikan hari ini banyak negara yang merdeka tetapi dasar ekonomi, pertahanan dan hubungan luarnya berada di bawah telunjuk kuasa besar asing.

Pada zaman Perang Dingin, negara baru merdeka diheret ke dalam kancuh pertarungan antara Pakatan NATO dengan Pakatan Warsaw.

Kita tidak mahu diheret ke dalam pergelutan yang tidak menguntungkan rakyat dan negara.

Kita kemuka doktrin ZOPFAN: Zon aman, bebas dan berkecuali. Ini sumbangan dan pendirian Malaysia terhadap Perang Dingin.

Selepas perang dingin tamat, perang melawan keganasan dilancarkan Amerika menjadi naratif utama dalam diplomasi global.

Perang di Afghanistan dan Iraq tidak menyelesaikan masalah keganasan. Sebaliknya perubahan rejim dianjurkan oleh Amerika, mencetuskan perang saudara di negara Arab hingga kini.

Dengan kecekapan polis dan pasukan keselamatan, Malaysia terselamat daripada ancaman militanisme dan keganasan.

Budaya kesederhanaan, toleransi dan saling hormat-menghormati, serta inklusiviti. Di kalangan rakyat menjadi benteng dari ancaman keganasan.

Kini dunia berada di persimpangan sejarah. Kuasa negara Barat yang memenangi Perang Dunia Kedua sudah terhakis dan mula luntur. Asia pula bangkit de-

ngan keyakinan baharu.

Berdepan dengan situasi bahu global, kita perlu menggilap jiwa merdeka. Kita perlu memiliki patriotisme dalam mempertahankan ruang, merangka dasar yang berteraskan kebajikan rakyat.

Kita mempunyai ruang dan kewibawaan untuk menyatakan pendirian di pentas dunia.

Sejak 9 Mei tahun lalu, rakyat memberikan mandat kepada Pakatan Harapan untuk memaknai prinsip 'kebebasan dan keadilan' sebagai teras Malaysia. Cabaran ini besar dan kita perlu memiliki kekuatan moral.

Kebebasan menuntut tanggungjawab dan perlu berada dalam kerangka undang-undang serta bingkai kesopanan dan kesusilaan.

Kebebasan adalah prasyarat kepada kreativiti, namun kebebasan bukanlah anarki. Kekecewaan jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei tentang peminatnya yang bercakap kasar terhadap satu sama lain, kerana isu remeh boleh difahami.

Memang menyedihkan bila melihat ruang kebebasan dijadikan kesempatan untuk mencaci maki, bertegang leher, menabur fitnah dan menyemai api perkauman. Seharusnya kebebasan dijadikan ruang dan kesempatan untuk melakukan wacana dan temu bungk rasional.

Salah satu wacana rasional yang diperlukan adalah keadilan. Islam meletakkan keadilan di tempat yang tinggi.

Dalam kalangan ahli falsafah dari Plato hingga ke John Rawls,

meletakkan keadilan sebagai matlamat masyarakat dan negara.

Bertepatan sekali apabila Tunku Abdul Rahman membidani kelahiran sebuah negara baharu dan memasyhurnya. Perdana Menteri pertama itu meletakkan keadilan sebagai asas utama.

Sejak dari sebelum merdeka telah wujud jurang pembangunan antara kelas, etnik dan wilayah.

Dasar ekonomi *laissez-faire* menyebabkan jurang ini meningkat. Jurang ini dilihat sebagai tanda ketidakadilan sosioekonomi.

Meskipun sebelum ini ada dasar tindakan afirmatif untuk menangani jurang tersebut namun hasilnya kurang memuaskan.

Justeru, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggagaskan Wawasan Kemakmuran Bersama, agar kekayaan negara dikongsi dengan saksama.

Semua pihak, sektor awam dan swasta perlu memainkan peranan untuk menjayakan wawasan ini. Malaysia hari ini kaya hasil dari sumbangan masyarakat perniagaan dan pekerja, dalam persekitaran mesra perniagaan yang dicipta oleh kerajaan.

Kekayaan dicipta bukan dengan memiskinkan orang lain, kerana penciptaan kekayaan bukanlah suatu *zero-sum game* atau pun seperti bidalan Melayu, 'seperti perniagaan buluh kasap, dapat pangkal hujung lesap, dapat hujung pangkal lesap.'

Konsep *prosper thy neighbour* yang digunakan dalam arena antarabangsa boleh diterapkan dalam konteks penciptaan kekayaan

dalam negara.

Maka, penciptaan kekayaan oleh satu masyarakat perlu juga menghasilkan penciptaan kekayaan dalam kalangan masyarakat yang lain.

Kekayaan wilayah tertentu juga mencipta kekayaan di wilayah lain. Melalui falsafah ini, kekayaan akan dicipta secara merata di dalam semua kelas, masyarakat dan wilayah.

Ahli ekonomi Thomas Piketty menegaskan, bahawa kesenjangan pendapatan bukan sahaja satu bentuk ketidakadilan bahkan boleh menggugat kesinambungan demokrasi.

Apabila kita merenung kata-kata Tunku Abdul Rahman yang dikeramatkan di dalam Pemasyhuran Kemerdekaan: "...dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa." Kita boleh merasakan bahawa beliau seolah-olah berkata dengan rakyat Malaysia pada hari ini.

Malaysia sebuah negara berbilang bangsa, bahasa dan agama. Tetapi kita tidak melihat kepelbagaian ini sebagai masalah.

Sebaliknya kita melihat kepelbagaian ini sebagai satu kelebihan dan kekuatan, khususnya apabila kita mendakap impian Martin Luther King Jr, agar rakyat yang pelbagai ini "*...they will not be judged by the colour of their skin, but by the content of their character.*"

Sejak merdeka, kita hidup bersama dan bersaudara sebagai rakyat Malaysia. Sebagai rakyat, kita setia kepada Raja dan Negara sebagaimana yang diungkapkan dalam Rukun Negara.

Marilah kita bersatu padu, bergerak sederap ke hadapan, untuk memikul tanggungjawab membina bangsa dan negara.